

**UCAPAN PERASMIAN**

**MESYUARAT PEGAWAI KANAN (SOC) JKR MALAYSIA TAHUN 2014**

**MENTERI KERJA RAYA**

**YB DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF**

---

**11 JUN 2014 (RABU)**

**PRIMALAND RESORT AND CONVENTION CENTRE, PORT DICKSON**

**NEGERI SEMBILAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih tuan pengerusi majlis.

YBrs. Tuan Hj. Sarani Dollah  
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi),

YBhg. Dato' Ir. Annies Md. Ariff  
Ketua Pengarah Kerja Raya,

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin Abd Karim  
Ketua Eksekutif  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB),

YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail Md Salleh  
Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM),

Yang Berusaha Ir. Haji Mohd Daud bin Harun

Pengarah Kanan PROKOM,

Merangkap Pengerusi JK Induk Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia  
2014

YBhg Encik Ir. Abdul Karim bin Mohd Tahir

Pengarah JKR Negeri Sembilan

Tuan rumah Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia 2014

Pengarah-Pengarah Kanan, Pengarah-Pengarah Cawangan / Bahagian,  
Pengarah-Pengarah Negeri, Jurutera-Jurutera Daerah, Pegawai-Pegawai  
Kader, Pegawai-Pegawai Kanan, Dato'-Dato', Datin-Datin serta tuan-tuan dan  
puan-puan yang dihormati sekalian.

Banyaklah bilah di tepi kuala,  
Jadikan pagar di tepi kolam,  
Awal Bismillah pemula kata,  
Bertanya khabar dengan salam.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita semua berhimpun bersama-sama sekali lagi sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia Tahun 2014 di Port Dickson, Negeri Sembilan. Terlebih dahulu, saya merakamkan penghargaan kepada pihak JKR kerana menjemput saya untuk merasmikan mesyuarat ini, malah saya berbesar hati dapat berjumpa dengan warga JKR sekalian dan berharap dengan pelaksanaan program sebegini, kita mampu mencapai misi dan visi Kementerian Kerja Raya (KKR) dan seterusnya membawa semua agensi di bawah KKR ke peringkat yang lebih maju dan unggul pada masa hadapan, In Sha Allah.

2. Seperti yang semua sedia maklum, Mesyuarat Pegawai Kanan ini merupakan acara tahunan JKR yang diadakan mengikut giliran negeri yang mana pada kali ini JKR Negeri Sembilan dipilih sebagai tuan rumah. Adalah menjadi harapan saya, agar keunikan dan keindahan bumi Negeri

Sembilan ini mampu meningkatkan semangat dan tekad tuan-tuan dan puan-puan untuk memberikan yang terbaik, seterusnya berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam meningkatkan kualiti dan mutu perkhidmatan awam amnya dan JKR khususnya.

## **TRANSFORMASI PENJAWAT AWAM**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

3. Bersesuaian dengan tema Mesyuarat kali ini iaitu 'Transformasi ke Arah Organisasi Berprestasi Tinggi', saya sangat mengharapkan agar warga JKR sebagai penjawat awam sentiasa bersedia untuk melakukan perubahan dan pembaharuan positif demi mencapai visi negara berpendapatan tinggi, inklusif dan lestari. Usaha melaksanakan empat agenda utama Dasar Transformasi Negara iaitu Program Transformasi Kerajaan, Ekonomi, Politik dan Sosial memerlukan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, lebih berintegriti, dinamik malah berjiwa rakyat. Sehubungan itu, warga JKR mestilah lebih bertenaga, berilmu pengetahuan luas, kompeten dalam melaksanakan tugas, inovatif, kreatif dan yang paling penting, mempunyai kewibawaan yang tinggi bagi mendukung dan melaksanakan hasrat murni kerajaan ini.

4. Penjawat awam amnya dan warga JKR khususnya, hari ini berdepan dengan kehendak pelanggan dan permintaan yang semakin meningkat dan mencabar. Sehubungan itu, JKR memerlukan warga yang boleh menjadi

*'the thinking public service'* yang bermatlamatkan untuk menjamin kesejahteraan orang awam. Maka, kita perlu melipatgandakan usaha bagi memastikan pelanggan sentiasa berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan serta menyanjung tinggi sikap responsif dan keprihatinan yang kita amalkan. Justeru, budaya ilmu dalam kalangan warga JKR perlulah terus dipupuk ke arah meneruskan tradisi kecemerlangan serta merangsang perkembangan intelek dalam usaha mewujudkan organisasi yang unggul.

5. Peningkatan ilmu pengetahuan bukan sahaja membolehkan kita bekerja dalam pengarahannya yang jelas untuk mencapai matlamat yang lebih sempurna malah, mampu memberi kekuatan dan keyakinan dalam kita memahami prinsip keutamaan, mempertingkatkan kepekaan dan menyumbang kepada penghasilan keputusan yang tepat. Seperti kata-kata yang disebut daripada zaman Iskandar Zulkarnain, *"Day by day in every way, I am getting better and better."* Penekanan juga mesti diberikan kepada pegawai yang mempunyai pelbagai kemahiran (*multi-skill*) kerana di era yang bergerak dengan begitu pantas, pengurusan bakat perlu dilihat menerusi perspektif yang berbeza, bukan lagi mengikut *seniority* tetapi melihat kepada kemampuan mereka menyumbang kepada keberhasilan yang negara kita perlukan.

6. Tahun lalu, saya ada menyebut tentang persetujuan kerajaan membina Pusat Kecemerlangan Teknologi Nasional Malaysia (PKTNM) dan Alhamdulillah, pada 14 Mac 2014 yang lalu, saya telah menghadiri majlis pecah tanah projek pembinaan tersebut di Simpang Ampat, Melaka,

yang mana tahap kemajuan sehingga Mei 2014 adalah 6.37 peratus, mendahului jadual 3.98 peratus. Selaras dengan namanya, institusi yang khas dibina untuk JKR ini bertujuan menjadi sebuah pusat kecemerlangan dalam aspek latihan, penyelidikan dan inovasi yang bertaraf dunia. PKTNM akan berperanan membangun dan memantapkan kemahiran warga JKR bersama penggunaan teknologi terkini secara bersepadu dan memberi nilai tambah kepada kepakaran bidang kejuruteraan, pengurusan projek dan aset serta perundingan melalui penyelidikan.

7. Saya yakin, penubuhan pusat ini dapat merealisasikan hasrat JKR untuk melahirkan lebih ramai profesional yang terlatih seperti Jurutera Awam, Elektrik dan Mekanikal, Arkitek dan Juru Ukur Bahan serta sub profesional dalam bidang masing-masing. Selain daripada memberi faedah kepada industri pembinaan negara, penubuhan PKTNM ini dapat menjimatkan perbelanjaan pelaksanaan program latihan dan seterusnya mampu melatih seramai 17 ribu pegawai profesional dan sub profesional serta 13 ribu kakitangan sokongan bukan teknikal, termasuk JKR Negeri/Wilayah dan Pegawai Kader di kementerian-kementerian yang lain.

8. Buat masa sekarang, walaupun PKTNM hanya akan siap dalam masa 3 tahun akan datang, kita tidak boleh sesekali mengabaikan aspek latihan dan pembangunan kemahiran. Sehubungan itu, saya amat menyarankan kesemua warga JKR mengikuti sebanyak mana latihan pengurusan teknikal yang boleh dan pada masa yang sama juga, memberi fokus dalam memantapkan skil komunikasi bagi usaha merakyatkan

perkhidmatan awam. JKR perlu mengekalkan imej positif jabatan dengan usaha perhubungan awam secara konsisten dan berterusan. Kita perlu sedar bahawa untuk membina imej yang dihormati memakan masa yang panjang, tetapi untuk meruntuhkannya, boleh dibuat dalam masa yang sangat singkat. Saya juga ingin menyarankan supaya JKR menjalankan aktiviti promosi bertujuan menyebarkan maklumat berkaitan polisi dan operasi jabatan yang mudah difahami bagi menjalin hubungan rapat dengan orang ramai. Selain itu, pengurusan krisis dan isu-isu sensitif yang kritikal mestilah dihadapi dengan lebih rasional untuk mengembalikan keyakinan awam terhadap kredibiliti jabatan. Kesemua ini boleh dilakukan melalui aspek pengurusan perhubungan awam yang lebih berkesan dan menitikberatkan objektif kecemerlangan dalam sistem perkhidmatan awam. Setiap warga JKR perlu bekerjasama dalam hal ini kerana organisasi yang berjaya memaparkan imej positif terhadap masyarakat umum, akan dapat mengatasi unsur-unsur negatif umpamanya tekanan, tohmahan dan tuduhan yang tidak berasas. Adalah menjadi hasrat saya supaya JKR sentiasa menjadi sebuah jabatan kerajaan yang mempunyai imej korporat seimbang, baik serta progresif dan selalu memberi sumbangan kepada masyarakat, selari dengan moto 'Jasa Kepada Rakyat'.

9. Warga JKR perlu sedar bahawa selain daripada ilmu pengetahuan dan kemahiran, pemeraksanaan modal insan juga perlu dilakukan secara holistik yang mana merangkumi aspek budaya, nilai, budi bahasa serta motivasi dalam menjalankan tugas. Semangat cintakan agama, bangsa dan negara mesti disemarakkan dengan membudayakan etika dan nilai-nilai murni yang boleh dikongsi bersama. Sebagai penjawat awam, warga

JKR mesti memahami dan menggunakan prinsip kesepakatan dan kerahsiaan dalam membuat keputusan yang merupakan nilai akauntabiliti wajib ada dalam diri setiap pegawai dan kakitangan. Sekiranya kita mempunyai pegangan etika yang utuh, saya yakin, tidak akan berlaku isu 3P iaitu penyelewengan, pembaziran dan pemborosan yang saban tahun ditegur dalam perbelanjaan kerajaan yang diakibatkan oleh keculasan, sikap sambil lewa, tidak amanah dan kurang bertanggungjawab pegawai dan kakitangan yang tidak berintegriti.

## **MEMPERKASA TADBIR URUS JKR**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

10. Aspek integriti merupakan asas kepada tadbir urus sesebuah organisasi yang cemerlang. Dalam konteks perkhidmatan yang kita laksanakan, isu yang sering mencemar nama baik kita adalah teguran audit dan laporan ketidakpatuhan seperti yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN), antaranya Projek Jalan Alor Setar – Kuala Nerang – Durian Burung di Kedah dan Pembinaan Politeknik Banting di Selangor yang banyak melibatkan kegagalan pengurusan masa, kelemahan pengurusan perbelanjaan serta kualiti kerja pembinaan yang kurang memuaskan. Apakah punca berlaku perkara sebegini walhal segala prosedur sedia ada meliputi pekeliling, memorandum atau *Standard Operating Procedure* (SOP) sudah wujud untuk dipatuhi?



11. Kerajaan sangat memandang serius perkara ini dan YAB Perdana Menteri sendiri telah mengambil pendekatan drastik untuk memperbaiki pengurusan perbelanjaan dengan pelbagai langkah. Ini termasuklah pembentangan LKAN sebanyak tiga kali setahun iaitu setiap kali Dewan Rakyat bersidang, bermula tahun ini, yang juga merupakan salah satu inisiatif Program Transformasi Kerajaan 2.0. Pada masa yang sama, kerajaan juga mengarahkan Jabatan Audit Negara supaya terbabit sama dalam semua projek kerajaan yang bernilai lebih RM500 juta seperti MRT dan ini jelas membuktikan betapa kerajaan serius dalam melaksanakan projek dengan telus serta membelanjakan duit rakyat secara berhemah. Selain itu, sebuah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) ditubuhkan untuk mengambil tindakan terhadap pegawai yang didapati terlibat. Lapisan tertinggi adalah '*Putrajaya Inquisition*' yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri yang mana akan mengambil tindakan terhadap projek kerajaan yang benar-benar bermasalah dan gagal diatasi di peringkat KSN dan KSU.

12. Sehubungan itu, saya berharap agar JKR mengkaji semula peraturan-peraturan, prosedur dan proses kerja sedia ada dan melakukan tindakan pembetulan supaya tidak lagi berlaku ketidakpatuhan yang boleh membuka ruang kepada penyelewengan. JKR juga wajar mengurangkan kelemahan pengurusan, memperkemas serta menguatkan sistem teknologi maklumat bagi memudahkan urusan penyusunan dan pengemaskinian dokumen, sekaligus mewujudkan sistem merekod yang lebih sistematik bagi memudahkan pemantauan berterusan. Saya ingin mengingatkan sekali lagi kepada semua warga JKR yang ada di sini pada hari ini supaya

amanah dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas serta mengikut peraturan yang telah digariskan demi menjaga nama baik jabatan dan kementerian. Perlu kita fahami bahawa pencegahan adalah lebih baik daripada pembaikan, maka, eloklah kita mengambil iktibar daripada segala pengalaman yang telah kita hadapi, tidak kira baik mahupun buruk, supaya transformasi perkhidmatan JKR boleh dijayakan.

13. Pengurusan organisasi yang cemerlang perlu berpaksikan kepada tahap profesionalisme yang tinggi dalam memberi perkhidmatan kepada rakyat. Kita perlu memiliki ciri-ciri responsif, peka, imej yang bersih, warga kerja yang komited, membudayakan ilmu serta mengutamakan prestasi. Komponen kepimpinan merupakan faktor paling krikital dalam menentukan kejayaan transformasi sesebuah organisasi kerana ianya menentukan hala tuju dan matlamat organisasi melalui penggemblerangan sumber secara strategik. Peranan pengurusan kepimpinan JKR dalam mencetuskan inspirasi serta memenangi hati dan fikiran warga Jabatan untuk berubah merupakan faktor penentu kepada kejayaan inisiatif transformasi. Kegagalan memperoleh penerimaan (*buy in*) dan seterusnya pemilikan (*ownership*) daripada semua lapisan, merupakan punca utama kecundangnya agenda perubahan yang ingin dilaksanakan. Kepimpinan JKR, pada semua peringkat, juga perlu mempunyai kemahiran komunikasi yang berkesan untuk memastikan setiap pegawai dan kakitangan membentuk satu pakatan yang mantap dan bergerak atas landasan perubahan yang dibina bersama.

## **TRANSFORMASI MEDIA BARU**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

14. Seperti yang kita semua sedia maklum, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) merupakan salah satu komponen utama yang menyokong transformasi perkhidmatan awam. Ia merupakan penggerak utama ke arah memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dapat disampaikan kepada orang ramai pada bila-bila masa dan di mana jua. Sehubungan itu, kepantasan dan ketepatan penyebaran maklumat terutamanya yang melibatkan keselamatan dan keselesaan orang awam perlu dipergiatkan melalui penggunaan media sosial secara intensif. Saya difahamkan bahawa JKR Ibu Pejabat termasuk JKR Negeri dan Wilayah sudah pun mempunyai akaun media sosial Facebook dan Twitter yang rasmi. Tahniah saya ucapkan. Seiring dengan hasrat dan harapan untuk memastikan penyampaian maklumat perkhidmatan Kementerian serta agensi dan jabatan di bawahnya yang lebih inklusif dan berkesan, penggunaan media baru ini perlu diperluaskan. Saya tidak mahu kita ketinggalan dalam arus perkembangan media baru terutamanya bagi sebuah jabatan yang paling 'dekat' dengan rakyat; menyediakan infrastruktur asas seperti jalan, jambatan, bangunan, lapangan terbang dan lain-lain ke arah membentuk persekitaran yang lebih baik untuk kehidupan yang berkualiti bagi rakyat.

15. Orang ramai sentiasa mengharapkan yang terbaik daripada kita dan seperti yang pernah dipesan oleh YAB Perdana Menteri, "Rakyat mestilah

terus didekati dan disusuri, difahami dan difahamkan, didengar keluh-kesahnya serta dirasai setiap denyut nadinya supaya dapatlah kita memberi perkhidmatan terbaik untuk mereka,”. Maka, bersesuaian dengan era ICT hari ini, kita perlu menyesuaikan diri menggunakan peralatan dan aplikasi terkini supaya tidak langsung ketinggalan dalam memahami isu serta permasalahan orang awam terhadap perkhidmatan yang kita berikan. Penggunaan media baru juga memberi ruang untuk kita mendidik dan menerangkan situasi sebenar kepada umum secara lebih jelas bagi menangkis tohmahan dan menepis persepsi negatif sesetengah pihak yang sentiasa mencari jalan untuk memburukkan nama baik perkhidmatan awam.

## **PENUTUP**

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya sangat berharap agar tema yang diketengahkan untuk Mesyuarat Pegawai Kanan JKR tahun ini iaitu ‘Transformasi ke Arah Organisasi Berprestasi Tinggi’ dapat diperincikan sedalamnya serta banyak idea baru dan bernas dapat dihasilkan ke arah memperkukuh peranan JKR sebagai penyedia perkhidmatan pengurusan aset dan projek yang lebih efektif, inovatif dan kompetitif. Sebagai agensi teknikal utama kepada Kerajaan Malaysia bagi aspek pelaksanaan infrastruktur dan kemudahan awam, JKR diberi kepercayaan penuh untuk memastikan aset awam diperolehi, diurus, diguna dan disenggara dengan sistematik serta strategik supaya mencapai

faedah yang optimum; tanpa pembaziran, bercirikan kelestarian dan sistem tadbir urus yang berkesan.

17. Fungsi dan peranan JKR dalam meningkatkan daya saing negara pastinya juga dinilai berdasarkan kepada keupayaan melaksanakan projek-projek pembangunan kerajaan khususnya pelaksanaan projek di bawah RMKe-10. Justeru, amatlah bersesuaian untuk tuan-tuan dan puan-puan menggunakan mesyuarat ini sebagai platform untuk bersama-sama merangka tindakan strategik, bukan sahaja bagi memastikan kecemerlangan dan kelangsungan (*relevancy*) JKR pada hari ini, tetapi untuk mengukuhkan lagi kedudukan organisasi JKR di masa hadapan.

18. Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirahhim** saya dengan berbesar hati merasmikan Mesyuarat Pegawai Kanan JKR Malaysia Tahun 2014.

Sekian, wabillah hitaufik walhidayah,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.